

Perdana Menteri nikmati nasi kandar beratur
Utusan Online
11 Februari, 2013

PULAU PINANG 11 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malam tadi bersama ahli keluarganya mengambil peluang menikmati nasi kandar beratur yang popular di negeri ini.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 40 minit menikmati hidangan nasi kandar dengan kari ayam, udang dan telur rebus bersama-sama dengan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Teng Chang Yeow dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Zainal Abidin Osman.

Sebelum itu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor meninjau ke sekitar restoran berkenaan manakala orang ramai mengambil peluang merakam gambar bersamanya.

Perdana Menteri turut memuji keenakan nasi kandar beratur setelah menikmati rasanya yang asli. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130211/dn_22/Perdana-Menteri-nikmati-nasi-kandar-beratur